JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH
Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Laman Web : http://kedah.anm.gov.my.

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.11(30)
Tarikh : 16 November 2026

Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, TERIMAAN, DEPOSIT DAN AMANAH BAGI BULAN OKTOBER 2026

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia berkaitan Sijil Pengesahan Baki Vot, Terimaan, Deposit dan Amanah telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** bagi memastikan baki adalah tepat dan betul.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Terimaan, Deposit dan Amanah bagi bulan Oktober 2026** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya.**

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Puan Norfaizah binti Mahamad Omar** di talian **04-7001000 (samb.186).**

5. Kerjasama dan tindakan segera daripda pihak YBhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(YUSNITA BINTI MAT YUSOFF C.A (M)**)**
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman